

بَلْهُ
أَمْفَتْ

BAB 4

SENI KALIGRAFI ISLAM SEBAGAI PENCETUSAN TAMADUN MELAYU ISLAM

4.1 PENDAHULUAN

Seni kaligrafi Islam yang tercetus daripada fikrah al-Quran telah membawa kepada suatu era kegembilangan tamadun Melayu Islam di Malaysia, yang bermula pada abad ke-7 M hingga ke dekad mutakhir ini. Seni kaligrafi, sebagai seni yang termulia di antara semua jenis seni, diberi penghormatan untuk menterjemahkan kalimah-kalimah suci al-Quran dalam bentuk tampak. Malaysia, iaitu bumi bertuah yang didatangi Islam, dimaktubkan sebagai wawasan inspirasi ketamadunan Melayu Islam yang unggul di rantau ini.

4.2 PENGERTIAN TAMADUN

Tamadun atau peradaban ialah keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yang tinggi merangkumi aspek sosial, budaya, politik dan sebagainya (Teuku Iskandar, 1989:1274). Perkataan tamadun atau ‘*civilization*’ lahir daripada perkataan Latin, iaitu ‘*civis*’, ‘*civilis*’, ‘*civilitos*’, ‘*civitas*’ yang bermaksud ‘*city*’ atau bandar.

Meskipun begitu, perkataan *civilized* dan *to civilize* telah digunakan sejak abad ke-16 lagi. Kira-kira pada tahun 1732, perkataan tamadun atau peradaban hanya

digunakan dalam bidang perundangan, iaitu berkaitan pengadilan dalam perbicaraan bagi kes-kes jenayah. Seorang ahli ekonomi dan bangsawan Perancis, Anne Robert Jacques Turgot, sekitar tahun 1752, telah menggunakan perkataan peradaban yang membawa maksud moden, iaitu *the process of becoming civilized* (Braudel, Fernand, 1994:3).

Daripada perspektif Timur, beberapa istilah lain turut dikaitkan apabila membicarakan tentang tamadun atau peradaban. Antaranya ialah *tamaddun*, *madaniah* dan *hadarah* (Lutpi Ibrahim, 1993: 4-6). Perkataan tamadun berasal dari kata dasar ‘*mudun*’ dan ‘*madai'in*’ yang kemudiannya membawa kepada *madinah*, yang bermaksud bandar. Daripada perkataan *mudun* itu juga, lahir nama bandar Madinah (Yathrib). Perkataan tamadun merupakan pemakaian bahasa Arab moden yang bererti memiliki ciri-ciri kehidupan bandar. *Hadarah* pula dimaksudkan sebagai sebuah bandar, kota, daerah, kampung atau tanah yang diusahakan.

Toynbee, seorang ahli sejarah British, dalam bukunya *A Study of History*, merumuskan peradaban sebagai sejenis kebudayaan yang berkembang di kota. Menurutnya lagi, peradaban perlu juga dirujuk sebagai satu kumpulan pemikiran daripada pelbagai manifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama, dan moral (Toynbee, Arnold, t.t.: 282-284).

Tamadun juga dianggap sebagai kebudayaan yang dipelihara oleh sebilangan penduduk yang besar untuk suatu jangka masa yang lama. Kebudayaan yang dimaksudkan itu mempunyai ciri-ciri seperti penggunaan tulisan, kewujudan bandar dan organisasi politik serta berkembangnya penghususan kerja. *Encyclopaedia Britannica*

mentakrifkan tamadun sebagai sesuatu yang dimanifestasikan dalam intelektual yang dikaitkan dengan bangsa Arab, misalnya puisi, seni pidato, bangsa Arab kuno, sejarah, retorik, tatabahasa, filologi dan sebagainya. Menurut buku itu lagi, tamadun juga merupakan “*A such practice was deemed praise worthy in the medieval Muslim world, adab acquired a furthur conotation of good breeding, courtesy, an urbanity*” (Encyclopaedia Britannica (enon.), 1985:75).

Sebenarnya, dalam mendefinisikan peradaban atau tamadun, kita tidak seharusnya mengabaikan kedua-dua unsur, iaitu unsur material dan unsur spiritual. Penulis amat bersetuju dengan pendapat Profesor Ritchie yang menegaskan bahawa faktor kemahiran dan ilmu pengetahuan adalah penting dalam sesebuah peradaban (Ritchie, A.D, 1945:9).

4.2.1 Konsep Tamadun

Konsep tamadun merujuk kepada pencapaian tinggi pemikiran ahli masyarakatnya dalam aspek budaya dan kesusastraan, agama dan moral, aspek-aspek kesenian, tatasusila, organisasi politik dan kemampuan mengurus sebuah kerajaan yang demokratik, pengurusan ekonomi dan perdagangan, serta peningkatan dalam teknologi yang berkemampuan meningkatkan keselesaan hidup manusia.

Pembentukan sesuatu tamadun secara umumnya terbina atas landasan beberapa ciri asas, iaitu:

1. Penempatan masyarakat manusia di satu kawasan atau beberapa kawasan yang disatukan yang seterusnya akan membentuk bandar, kota atau negara.

2. Mempunyai hayat penghidupan yang panjang dan stabil.
3. Wujudnya organisasi dan institusi sosial dalam aspek politik (pemerintahan atau kerajaan), ekonomi, sosialisasi, dan suatu sistem pendidikan yang teratur.
4. Penggunaan satu bahasa atau beberapa bahasa yang serumpun dengan sistem tulisan yang seterusnya menjadi media perantaraan komunikasi, penyampaian dan pewarisan khazanah ilmunya.
5. Mempunyai sistem kepercayaan dan agama, satu sistem undang-undang, norma dan ethos yang teratur dan berwibawa untuk meregularisasikan perlakuan dan tindak tanduk anggota masyarakatnya dalam segala bidang penghidupan.
6. Peningkatan daya kreatif dan penciptaan sains, teknologi, falsafah dan pemikiran.
7. Peningkatan daya kreatif seni, kesusasteraan dan aspek-aspek estetika lain yang tersendiri.
8. Wujud dan berkembangnya pengkhususan dalam pekerjaan.

Sebagai rumusannya, sesuatu tamadun itu mestilah mempunyai nilai-nilainya yang utama seperti tulisan yang ditinggalkan oleh sesuatu bangsa, kesan-kesan sejarah, ukiran dan sebagainya (Lutpi Ibrahim, 1993:4). Menurut Prof Madya Dr Lutpi Ibrahim yang dipetik daripada Glyn Daniel (1968:28-29) dan Jabbar Beg (1982:22-23), menyatakan tamadun juga merupakan “*characteristic*” masyarakat, kerana tamadunlah yang membezakan antara masyarakat yang maju dengan yang mundur. Oleh itu, tamadun mengandungi aspek-aspek kejayaan umat manusia, baik dari segi kesusasteraan, kebudayaan, seni bina, politik dan agama (Lutpi Ibrahim, 1993:4).

Penulis merasa amat kagum dengan penjelasan dua pemikir Islam yang membicarakan tentang tamadun, iaitu Sayyid Qutb dan Ahmad Shalaby. Penjelasan mereka tentang tamadun telah ‘menjangkau’ definisi sarjana-sarjana Barat dengan menyentuh ‘peradaban tauhid’. Ahmad Shalaby mengkategorikan tamadun atau peradaban kepada peradaban teori dan peradaban eksperimen.

Peradaban teori ialah peradaban tulen yang menjadikan Islam sebagai sumbernya yang tunggal. Peradaban ini lahir dalam perkara-perkara yang tidak terdaya dicapai oleh fikiran manusia seperti dalam sistem politik, ekonomi, perundangan, dan moral. Manusia tidak berdaya mencipta sistem politik yang sihat, tidak berdaya mengenal keadilan sosial dan isu-isu moral, menyebabkan sentiasa berlaku perselisihan yang besar di kalangan mereka. Peradaban eksperimen pula merupakan peradaban yang boleh dicapai oleh orang-orang Islam dalam bidang-bidang seperti matematik, perubatan, astronomi dan sebagainya. Orang Islam telah mewarisi peradaban Mesir, Greek, Rom dan sebagainya (Ahmad Shalaby, 1970:25-26).

Bagi Sayyid Qutb, peradaban itu merupakan sejumlah nilai, hubungan dan aturan, dan ini tidak sinonim bagi kemajuan yang membawa erti sejumlah produk kebendaan dan peralatan yang canggih. Beliau tidak melihat kemajuan seperti ini dijadikan ukuran untuk menentukan sama ada sesebuah masyarakat itu berperadaban atau tidak. Menurutnya lagi, masyarakat berperadaban pertama sekali dinilai dari segi dasar akidahnya, sistem nilai, tingkah laku, hubungan, dan aturan sosialnya bukan dari kemajuan kebendaan semata-mata.

Peradaban yang difahami oleh Sayyid Qutb bukan kemajuan *madaniyah*, tetapi ‘peradaban tauhid’ yang dilahirkan oleh sistem Islam yang menyempurnakan manusia

dengan kemanusiaannya, menimbulkan makna sebenar *ubudiyah* kepada Allah s.w.t dan keseimbangan yang menyeluruh dalam hidup individu dan masyarakat (Ali Al-Quraisiy, 1996:106-107). Idea yang dikemukakan oleh kedua-dua pemikir Islam ini sudah tentu tidak diterima pakai oleh sarjana-sarjana Barat kerana idea tersebut menyentuh soal metafizik.

4.2.2 Tamadun Melayu

Tamadun Melayu merupakan sebuah tamadun yang dibentuk oleh sekelompok manusia yang digolongkan secara luas sebagai kumpulan orang-orang Melayu yang menduduki suatu wilayah di Asia Tenggara. Wilayah ini dikenali dengan pelbagai nama, seperti Gugusan Kepulauan Melayu Indonesia (*The Malay Indonesian Archipelago*), Kepulauan Melayu, Kepulauan Nusantara, Tanah Jawi, Alam Melayu dan sebagainya.

Tamadun Melayu Islam pula merupakan satu bentuk tamadun yang secara evolusinya telah menerima suatu pemantapan yang ditunjangi oleh agama Islam. Ciri-ciri Islam telah meresap dalam semua aspek tamadun Melayu yang bukan dari sudut agama semata-mata, malah meliputi sistem nilai, norma, hukum, akhlak, institusi-institusi sosial, bahasa, sastera, seni estetika yang semuanya telah ditunjangi oleh prinsip-prinsip dan lunas-lunas Islam.

Tamadun Melayu Islam, dalam cita-cita ke arah pembentukan sebuah bangsa dan Tamadun Malaysia yang kental, padu dan perkasa, bukan sahaja perlu menekankan aspek pembangunan sains, teknologi, multimedia, infrastruktur dan industri, bahkan perlu mengutamakan aspek kesenian yang bercirikan Islam, kerana unsur kesenian Islam yang dipadukan dengan simbolik tauhid kepada Yang Esa, akan melahirkan masyarakat

dan bangsa Melayu yang bermoral, beretika, dan berakhhlak mulia. Unsur-unsur ini nanti akan menjadi bukti ketahanan tamadun Melayu yang sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran hebat, terutama pada era modenisasi ini.

Tamadun Melayu yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan Islam merupakan suatu tamadun yang terpancar daripada al-Quran dan perihal kehidupan manusia yang dilandasi kitab suci al-Quran dan ditafsirkan oleh Sunnah Rasulullah s.a.w. Jika selama ini para sarjana barat telah mendefinisikan tamadun yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan itu sebagai *way of life*, maka Islam terlebih dahulu mentafsirkannya sebagai ‘tamadun’. Tamadun dalam pengertian menyeluruh meliputi segala aspek kehidupan dan ia mestilah dinyatakan dengan kefahaman Islam (Manu Sikana, 1996:119).

4.3 PEMAKAIAN SENI KALIGRAFI ISLAM DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA

Keindahan dan keistimewaan seni kaligrafi Islam kini telah mendominasi banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia sejak dari awal kemunculannya hingga abad ke-21 ini. Bahkan, tanpa disedari sebenarnya masyarakat Melayu di Malaysia telah lama didedahkan dengan keindahan seni ini. Ini membuktikan kepada umum bahawa seni kaligrafi, sebagai salah satu seni rupa Islam yang terunggul, telah mendapat tempat yang tertinggi di mata masyarakat.

Seni kaligrafi Islam adalah seiring dengan kehadiran masyarakat Melayu dan penggunaannya dapat disaksikan di mana-mana sahaja, misalnya pada batu bersurat, batu-batu nisan, alat-alat senjata, barang-barang logam, barang-barang tembikar,

pinggan mangkuk, pakaian dan tekstil, serta sebagai dekorasi di masjid-masjid, rumah-rumah dan bangunan-bangunan utama. Seni kaligrafi Islam ini juga turut digunakan pada logo-logo, lambang-lambang, kad-kad jemputan, kad-kad hari raya, papan tanda, anyaman, tenunan, pewter dan sebagainya.

Semuanya ini membuktikan bahawa seni kaligrafi Islam sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat negara ini yang bercirikan Islam, dan sekaligus telah mencetuskan sebuah tamadun Melayu Islam di Malaysia.

4.3.1 Batu Bersurat Terengganu

Batu Bersurat Terengganu adalah suatu pusaka warisan yang amat berharga yang menandakan pengisytiharan agama Islam menjadi agama rasmi negeri ini. Ia mula dijumpai di tebing sekeping tanah yang dikenali sekarang dengan nama “Tanah Batu” berhampiran Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1887 M. Pada tahun 1902 M, barulah ia dijumpai oleh seorang ahli perniagaan, iaitu Syed Hussain Bin Ghulam Al-Bukhari di sebelah surau di Kampung Buluh (Buku Cenderamata, “Pameran Sultan Trengganu”, 1981:33).

Pengislaman Terengganu oleh beberapa orang Muslim dari Sumatera membuktikan Terengganu adalah negeri yang lebih awal memerlukan Islam berbanding Jawa. Ini berdasarkan kepada Batu Bersurat Terengganu yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan skrip Arab, yang dikenali sebagai tulisan Jawi (Ilustrasi 15). Hal ini menunjukkan bahawa sistem ejaan Jawi telah selesai terasas di rantau ini sebelum kurun ke-14 M lagi.

Penggunaan bahasa Melayu ini juga mempunyai hubungan dengan Empayar Melayu Srivijaya yang berpusat di Jambi, Sumatera (Zakaria Ali, 1994:48). Zakaria Ali, dalam bukunya *Islamic Art In Southeast Asia 830 A.D. – 1570 A.D.* menyatakan,

“The phenomenon of writing Malay in the Arabic script implies that there was already a growing consensus early in the 14th century to discontinue the use of the Tamil, Nagari or Kawi scripts. The Naskh style was chosen probably because of its clarity, akin to the one used with pen and ink on ordinary paper. The skill with which the carver/writer chiselled a pen technique onto a hard medium is impressive for two reasons. First, the resulting script retains much of the flow quality of a handwriting; second, the resulting grooves function as inscribed words as well as areas to be colored or painted to feature the text more prominently” (Zakaria Ali, 1994:52-53).

Batu Bersurat Terengganu yang mempunyai berat 204.3 kg (Buku Cenderamata, “Pameran Sultan Trengganu”, 1981:33), memahatkan tulisan yang membicarakan tentang undang-undang Allah dan mempunyai hukuman terhadap kesalahan zina serta undang-undang lain seperti hutang piutang (Mat Rofa Ismail, 1994:221; Hashim Bin Awang (ed.), 1992:5). Sebagaimana menurut Zakaria Ali lagi,

“This inscription hinted at a literary tradition centered at the court which was concerned with preserving the old (Hindu-Buddhist) and adopting the new (Islam). To prohibit people from stealing, fornication and rebellion to Islamic law which had to be couched in a number of Sanskrit terms such as Deewata Mulia Raya, mandalika, derma, balachara, adi-pertama and tamra” (Zakaria Ali, 1994:53-55).

4.3.2 Manuskip

Contoh-contoh seni kaligrafi Islam juga terdapat pada kitab-kitab, buku agama dan manuskrip Melayu (Ilustrasi 16). Ada pendapat yang mengatakan bahawa sejak

abad ke-15 M, proses penulisan manuskrip Melayu sudah berkembang dengan pesatnya (Asma bt. Ahmat, 1986:13).

Antara artifak sejarah yang ditulis dengan huruf Arab ialah *Furu' al-Masa'il* yang disalin pada tahun 1254 H di Masjid Sultan Ali Iskandar Shah, Kallang, Singapura dan *Minhal al-Sofi fi al-Bayan Ramuzal al-Sofi* yang bermaksud “Tempat minum air yang bersih pada menyatakan isyarat-isyarat ahli tasauf”, dan Kitab Fikah yang membicarakan tentang sembahyang Jumaat. Ketiga-tiga manuskrip ini diterjemahkan oleh Syeikh Daud bin Abdullah Pattani.

Manakala kitab atau buku agama yang lain termasuklah Kitab Isra' Mikraj yang membicarakan peristiwa Isra' dan Mikraj Nabi Muhammad s.a.w, Kitab Perubatan Kulit Kayu, yang mengandungi doa-doa dan azimat mengenai pelbagai jenis penyakit dan ilmu gunaan yang ditulis di atas kulit kayu dengan menggunakan dakwat daripada akar tumbuhan, Kitab Tasauf yang mengandungi alam ghaib, tauhid, makrifat dan sifat-sifat Allah s.w.t, dan Kitab Mengenai Doa-doa Pilihan.

Selain itu, terdapat juga Kitab Para'na dan Doa yang mengisahkan seorang perempuan yang bernama Para'na Islam yang bersoal jawab tentang orang perempuan yang telah bersuami, Kitab Fikah mengenai Hukum Halal dan Haram, Binatang, Hukum Bersugi, Istinja', Mengambil Air Sembahyang, Mandi Junub dan sebagainya, Kitab Maulud Nabi, buku Peraturan Keramaian, buku Peraturan Membahagi Pusaka, buku Pengamal Kesucian dan sebagainya.

4.3.3 Masjid

Masjid merupakan salah satu tempat yang paling banyak memperlihatkan kegiatan seni kaligrafi Islam khususnya di Malaysia. Masjid, sebagai tempat untuk mengeratkan hubungan antara manusia dengan Rabbani seharusnya mempunyai dekorasi yang indah, lebih-lebih lagi melihat fungsi masjid sebagai rumah ibadat untuk umat Islam.

Kaligrafi Islam yang diukir indah menggunakan ayat-ayat suci al-Quran didapati di ruang mihrab kebanyakan masjid di Malaysia. Antara firman-firman Alah s.w.t yang sering dipilih sebagai dekorasi, ialah ayat 144 Surah Al-Baqarah yang bermaksud, “Sesungguhnya Kami sering melihat mukamu menengadah ke langit, maka pastilah Kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram. Dan di mana sahaja kamu berada, palingkanlah mukamu ke arahnya”. Firman Allah s.w.t yang ditulis dengan kaligrafi Islam yang indah ini boleh didapati di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam, Selangor.

Lakaran dekorasi abstrak berdasarkan bentuk geometri juga terdapat di masjid-masjid sebagai hiasan. Bentuk-bentuk geometri ini biasanya dicorakkan secara berulangan (*repeat unit*) pada kayu-kayu, marmar, logam, seramik dan sebagainya (Issam el-Said dan Ayse Parman, 1976:7). Al-Mahani, Abu'l-Jud, Umar Khayyam dan al-Tusi telah membuat kajian mengenai geometri dan trigonometri bukan sahaja untuk keperluan pengiraan, malah untuk hiasan dan estetika, khususnya untuk objek geometri yang dibina dalam bangunan dan masjid (Mat Rofa Ismail, 1994:11).

Selain dekorasi abstrak geometri, terdapat dekorasi berbentuk floral yang menjadi ciri penting kesenian Islam pada binaan sesebuah masjid. Dekorasi berbentuk floral yang mengarah hukum kembali kepada Allah s.w.t banyak didapati pada mimbar, misalnya pada mimbar Masjid Kampung Laut (Ilustrasi 17). Sekarang mimbar ini berada di Masjid Pasir Pekan, Kelantan (Abdul Halim Nasir, 1984:20).

4.3.4 Batu Nisan

Contoh-contoh seni kaligrafi Islam yang terkaya di Malaysia didapati pada batu-batu nisan di serata negeri, dari Johor di selatan hingga ke Perlis di utara. Batu nisan lama yang diperbuat daripada batu Aceh, menunjukkan sifat bentuk seni rupa daripada kebudayaan sebelum Islam. Batu nisan bukan sahaja dianggap sebagai tanda bahawa seseorang itu telah meninggalkan dunia yang fana ini, malah membuktikan masyarakat Melayu di Malaysia amat mengambil berat tentang pemakaman ini.

Antara batu nisan yang terkenal ialah Makam Raja Beruas di Kampung Kota yang diperbuat daripada batu Aceh (Ilustrasi 18). Batu nisan ini dipercayai berasal dari negeri Aceh, iaitu berdasarkan namanya dan bertarikh pada sekitar abad ke-15 dan 16 M (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, (ed.), 1998:110-111). Contoh yang paling lama terdapat pada batu nisan Sultan Mahmud Shah 1, Pahang yang mangkat pada tahun 1475 M, yang merupakan batu Aceh pertama yang ditemui di Semenanjung Malaysia (Othman Mohd Yatim, 1989:21-26).

Beberapa contoh batu Aceh dengan tulisan kaligrafi Islam didapati di makam diraja di Pahang, Perak dan Kedah. Kebanyakan batu nisan ini mempunyai frasa daripada ayat-ayat al-Quran atau hadis yang ditulis dengan menggunakan model kufi.

Manakala motif dekoratif yang terdapat pada batu itu termasuklah bentuk geometri dan bunga-bungaan (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, (ed.), 1998:110-111).

Selain itu, hiasan ukiran kaligrafi Islam yang sangat tidak stabil juga terdapat pada prasasti yang berasal dari kawasan Keramat Sungai Udang, dekat Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan. Batu yang berbentuk empat persegi ini menandakan tarikh meninggal dunia Ahmad Majnun pada 1467 / 68 M (Casparis, J.G. de, 1980:1-22; Hashim Musa, 1997:369). Nama Ahmad Majnun dan Shaikh Ahmad Mallari yang tertera pada batu itu dipercayai adalah orang yang sama (Dipetik oleh Miksic, John, daripada Collins, James T., dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998:102-103; Sheppard, Mubin, 1965:67).

Pada keempat-empat permukaan batu itu terukir tulisan kaligrafi dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan bukan Melayu, termasuk ‘*Basmalah*’. Kaligrafi yang berbentuk bulat itu diukir secara timbulan rendah dengan gaya yang menarik.

‘Batu Pedang’ yang berhampiran dengannya diukir kalimah ‘Allah’ dengan bentuk tegak. Batu itu mengandungi ukiran yang mengandungi bentuk yang berupa binatang dan tumbuhan. Kalimah ‘Allah’ itu dapat dianggap sebagai hubungan antara seni rupa yang mengandungi imej daripada alam sekitar serta alam lembaga dan seni rupa Islam yang berpusatkan kesenian kaligrafi Islam.

Kalimah ‘Allah’ yang diukir mirip bentuk model Kufi menggambarkan keteguhan pendirian, berbanding dengan bentuk ukiran yang lain yang mempunyai gerak alun. Walaupun cara huruf itu diukir adalah sama dengan bahagian lainnya, namun sifat ukiran tersebut adalah berbeza. Ini menunjukkan ukiran pada batu Pedang

itu merupakan hasil pernyataan aliran ‘ekspressionis’ yang tersendiri yang menunjukkan jiwa pencipta yang bebas.

4.3.5 Matawang

Kepulauan Melayu mula menjadi pusat perdagangan yang masyhur sejak abad ke-9 M lagi. Kegiatan perdagangan yang aktif telah menyumbang ke arah pengenalan satu bentuk matawang yang standard. Matawang yang dihasilkan dalam bentuk logam yang berharga seperti timah, perak dan emas mula diperkenalkan. Kebanyakan matawang (syiling) diukir menggunakan tulisan Arab atau Jawi dengan berbagai-bagai nama, lagenda dan gelaran (Dipetik daripada Othman Yatim, dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998:134-135). (Ilustrasi 19).

Matawang yang diukir menggunakan tulisan Arab atau Jawi merupakan sumber rujukan untuk mengenali tamadun dan peradaban masyarakat Melayu di Malaysia pada suatu masa yang lalu. Antaranya, terdapat beberapa jenis duit syiling emas atau kupang yang telah dikeluarkan antara tahun 1400-1780, yang dipercayai digunakan di Kelantan dan Patani.

Matawang Melayu kuno telah digunakan di negeri Kelantan pada sekitar abad ke-18 M, iaitu ketika negeri itu masih berada di bawah naungan kerajaan Siam (Ensiklopedia Dunia Melayu, 1997:102). Duit-duit syiling emas yang digunakan oleh masyarakat Melayu, khususnya di Kelantan, dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu duit syiling Kijang, Dinar Matahari/Bunga dan duit emas bertulisan Arab di kedua-dua belah muka (Dipetik daripada Abustarim Bin Yaacob, dalam Nik Mohamed bin Mohd Salleh (ed.), 1995:51).

Duit-duit syiling kijang mempunyai ukiran bermotif kijang pada sebelah muka dan tulisan Arab ‘*Malik Al-Adil*’ atau ‘*Al-Adil*’ pada muka yang satu lagi. Dinar Matahari dikenali kerana motif yang terdapat pada muka hadapan syiling tersebut seolah-olah matahari sedang bersinar. Selain motif matahari, motif bunga juga digunakan dan dikenali sebagai Dinar Matahari.

Manakala syiling emas bertulisan Arab di kedua-dua belah muka atau Emas Dinar telah ditemui di Kota Bharu, Kelantan, yang tercatat tarikh pengeluarannya, iaitu 557 H bersamaan dengan 1181 M (Lukman bin Haji Abdul Latif, 1991:1). Pada muka hadapan syiling ini tertera inskripsi tulisan Arab ‘*Al-Julus Kelantan*’ sementara di muka belakang terdapat tulisan ‘*Al-Mutawakkal*’.

Selain itu, terdapat matawang yang berukuran 3 cm melintang yang dicipta pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad IV (1899-1920). Muka satu matawang ini dicap dengan inskripsi bertulis “Belanjaan Kerajaan Kelantan Sepuluh Keping...” dan di muka dua pula tertulis tulisan bahasa Arab, “*Suni'a fi Dzu'l Hijja sanah 1331*” yang bermaksud “Dikeluarkan pada bulan Zulhijjah tahun 1331”.

Matawang ini merupakan hadiah daripada Haji Abdul Razak Haji Othman dari Kuala Terengganu dan sekarang menjadi koleksi Muzium Seni Asia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Buku Cenderamata, “Pameran Pertandingan Seni Khat”, 1981:69).

4.3.6 Tekstil dan Pakaian

Kaligrafi, iaitu tulisan indah, juga berfungsi untuk memenuhi fungsi keindahan, di samping tuntutan fungsi praktis, iaitu keperluan terhadap sesuatu kejelasan (TIM

Penyusun Pustaka-Azet Jakarta (ed.), 1988:299). Tuntutan fungsi praktis seni kaligrafi Islam diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia, iaitu dalam aspek tekstil dan pakaian. Masyarakat Melayu telah menggunakan tulisan yang indah ini pada pakaian wanita, baju, setangan kepala, kain tudung keranda, kopiah kadi, batik, kain limar, kain bendera, tekatan emas untuk sarung bantal dan sebagainya (Ilustrasi 20).

Umpamanya pada kain limar, terdapat inskripsi bertulis secara berulangan, iaitu ‘La Ilaha Illa Llah’ (Tiada tuhan melainkan Allah) dan kalimah ‘La’ di bahagian tepi kain tersebut. Kain yang bercorak merah di bahagian tepi ini mempunyai ukuran panjang 226 cm dan lebar 75.5 cm.

4.3.7 Ukiran Kayu

Masyarakat Melayu di Malaysia sememangnya amat menghargai anugerah Allah s.w.t dalam apa juu perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian mereka. Kaligrafi Islam telah diukir indah pada objek kayu untuk dijadikan sebagai perisai pertahanan diri, kotak senjata, peti kayu berukir, gantang kayu, belindan kubur, mimbar masjid, tongkat khutbah, rehal, cap mohor, dan sebagainya.

Selain fungsi yang disebutkan di atas, ukiran kaligrafi Islam pada kayu juga dijadikan sebagai hiasan rumah, bangunan dan masjid. Kayu-kayu yang telah diukir selalunya dibuat bingkai dan digantung di dinding, pintu dan sebagainya (Ilustrasi 21).

4.3.8 Senjata

Senjata, sebagai alat mempertahankan diri daripada serangan musuh, turut diukir dengan tulisan Arab yang indah. Keindahan ini menjadi lambang peradaban masyarakat Melayu yang amat mengambil berat tentang aspek keagamaan. Antara peralatan senjata yang paling banyak tertera tulisan Arab ialah keris, pedang, perisai, lengan baju besi, ketopong besi dan sebagainya (Ilustrasi 22).

Sebagai contoh, perisai besi berbentuk bulat yang disalut dengan tembaga di sekelilingnya mempunyai inskripsi gaya kaligrafi model Kufi yang ditulis dalam bulatan yang terletak pada bahagian tengah. Pada bahagian luar bulatan itu terdapat hiasan lapan bentuk palma yang tergantung menghala ke bawah dan lapan bentuk mendaliun corak daunan yang berpaling patung. Pada bahagian empat bentuk mendaliun itu juga terdapat bentuk bulat yang timbul, manakala pada bahagian tepinya pula ditulis lapan ayat dalam bahasa Parsi dengan menggunakan model Farisi.

4.3.9 Tembikar

Masyarakat Melayu di Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil tulisan Arab yang indah untuk dilakarkan pada barang-barang tembikar. Barang-barang tembikar yang diberi keutamaan untuk ditulis dengan seni tulisan yang indah ini kebanyakannya terdiri daripada barang-barang yang sering digunakan dalam kehidupan harian mereka.

Antara barang-barang tembikar tersebut termasuklah bekas perasapan, bekas bara, bekas pembakar kemenyan, teko tembaga, gelas air penawar, kendi, dulang bertudung, batil, piring, pinggan, mangkuk, buyong, piring perubatan dan sebagainya (Ilustrasi 23).

4.3.10 Barang-Barang Perhiasan

Selain mengukir kaligrafi pada barang-barang tembaga, masyarakat Melayu juga telah menjadikan kesenian Islam ini sebagai dekorasi pada kulit-kulit buku, kad, dan barang-barang yang dijadikan sebagai perhiasan (Ilustrasi 24). Antara barang-barang perhiasan termasuklah poster, gambar, jubin, pewter, dan barang-barang kemas seperti emas dan perak, yang diukir dengan kaligrafi Islam untuk dijadikan sebagai loket, cincin, kerongsang, gelang tangan dan sebagainya mengikut kehendak masing-masing.

Ukiran kaligrafi yang tertera pada barang kemas ini selalunya berdasarkan nama si pemilik. Kadang-kadang terdapat juga barang-barang kemas yang dibawa dari luar seperti Mekah, misalnya duit emas berbentuk bulat yang tertera tulisan Arab di kedua-dua belah muka, yang selalunya digemari oleh masyarakat wanita Melayu di Malaysia untuk dijadikan sebagai perhiasan diri.

Selain ukiran kaligrafi Islam pada barang-barang kemas, kesenian ini juga terdapat pada anyaman dan sulaman, umpamanya anyaman kelarai yang diperbuat daripada buluh. Sebagai contoh, anyaman kelarai yang berukuran tinggi 38 cm dan lebarnya 34 cm telah diukir dengan inskripsi bertulis ‘Allahu Akbar’. Anyaman ini telah dibuat di negeri Perlis dengan menggunakan bahan-bahan semulajadi seperti daun nipah.

Barang-barang lain yang dijadikan perhiasan oleh masyarakat Melayu ialah jam dinding, jam tangan, rantai kunci, *cross-stich*, permaidani dan sebagainya. Barang-barang ini bukan sekadar untuk tujuan perhiasan, malah selari dengan citarasa mereka untuk dijadikan barang cenderamata.

Kesenian kaligrafi Islam ini juga turut diminati oleh masyarakat Melayu, terutamanya para seniman kaligrafi Islam yang telah mengambil tulisan yang indah ini sebagai dekorasi pada kulit-kulit buku, setem, kad-kad ucapan dan sebagainya. Seorang seniman kaligrafi Melayu, Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, telah menulis kalimah ‘*Basmalah*’ dalam bentuk ayam jantan seperti yang tertera pada kulit bukunya “Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu” (1972) dan *Comments on the Re-examination on al-Raniri’s Hujjatu'l-Siddiq: A Refutation* (1975), dan dalam bentuk burung pada kulit bukunya *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (1970).

4.3.11 Papan Tanda

Kaligrafi Islam bukan sekadar hiasan semata-mata. Kaligrafi Islam yang terdapat pada papan-papan tanda bukan sahaja menjadi rujukan sesuatu tempat, malah menyatakan pernyataan zikir kepada Allah s.w.t. Papan-papan tanda ini banyak didapati di masjid, bangunan, jalan raya dan sebagainya.

Sebagai contoh, terdapat papan tanda di kawasan Masjid Zahir, Alor Star, Kedah, yang tertera maksud firman Allah s.w.t dalam surah al-Imran ayat 154 dengan menggunakan model Thuluth, iaitu “Berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai”. Manakala di luar bangunan masjid itu pula terdapat perkataan ‘*Allah*’ yang ditulis dengan menggunakan model Kufi dalam bentuk bulatan.

Papan tanda yang menyatakan pernyataan zikir kepada Allah s.w.t seperti kalimah ‘*Subhana Llah*’, ‘*Alhamdulillah*’, ‘*Allahu Akbar*’, ‘*Allah*’ dan ‘*Muhammad*’ kelihatan di sepanjang jalan utama seperti Kota Bharu, Pasir Mas, dan sebagainya. Selain itu terdapat

tulisan pada papan tanda yang menyatakan nama sesuatu, seperti papan tanda yang bertulis “Masjid Kampung Laut” yang terletak di luar kawasan masjid itu, iaitu di Nilam Puri, Kelantan (Ilustrasi 25).

4.3.12 Azimat

Kaligrafi Islam bukan sahaja digunakan sebagai barang-barang perhiasan, malah ia turut dijadikan dekorasi pada sesuatu azimat (Ilustrasi 26). Azimat merupakan barang (tulisan) yang dianggap mempunyai sakti dan dapat melindungi pemakainya (Teuku Iskandar, 1989:70). Adalah menjadi lumrah sesuatu azimat itu dicipta dalam bentuk bulat yang diperbuat daripada besi, perak dan tambaga. Azimat berfungsi untuk mengelakkan seseorang itu daripada sebarang bencana dan gangguan luar.

Contoh azimat yang diperbuat daripada besi yang menjadi koleksi peribadi Syed Ahmad Jamal, dikatakan berasal dari India dan berukuran 4.5 cm melintang. Pada muka satu azimat itu, tertulis kaligrafi Islam yang mengagungkan Allah s.w.t, iaitu kalimah ‘*Allahu Akbar*’ pada bahagian tengah dalam bentuk bulatan dan dikelilingi dengan kalimah ‘*Basmalah*’ sebanyak 12 kali, ‘*Ya Allah*’ dan ‘*Ya Rasul Allah*’. Pada muka dua pula tertera ayat ‘*Kalimat Asy-Syahadah*’ dalam bentuk bulatan dan dikelilingi dengan ayat yang bermaksud "Tidak ada daya dan tenaga melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung".

Azimat lain yang menjadi koleksi Syed Ahmad Jamal ialah azimat yang berbentuk bulat dan berbucu 27 yang diperbuat daripada besi. Azimat ini juga berasal dari India dan berukuran 4.5 cm melintang. Pada muka satu azimat itu tertera ayat ‘*Allahu Akbar 3*’ dan pada muka dua firman Allah s.w.t, iaitu ayat 58 Surah Yaasin yang

bermaksud, "(Kepada mereka dikatakan): "Salam", sebagai ucapan selamat daripada Tuhan Yang Maha Penyayang", dan ayat 1 Surah Al-Fath yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu (ya Muhammad) kemenangan yang nyata (kemenangan penaklukan Mekah)".

Azimat yang menjadi koleksi Prof. Di Raja Ungku Abdul Aziz diperbuat daripada batu hitam berbingkai perak yang berukuran panjang 4.5 cm, lebar 5 cm, dan tebal 0.9 cm. Azimat ini berbentuk bujur dan mempunyai dekorasi turisan tumbuhan. Firman Allah s.w.t ayat 255 Surah Al-Baqarah dituris di sekeliling bentuk bujur dan di atas lapan bentuk daun. Pada akhir ayat itu ditulis kalimah yang bermaksud, "Wahai Allah yang menunaikan segala hajat, Tahun 1078". Manakala ayat-ayat yang ditulis di atas daun ialah Ya *Ghaffir* (Tuhan Yang Maha Pengampun), Muhammad Nabi Allah, Allah Muhammad Ali, Ya Ali, *Al-Mutawakkil ala Allah* (Yang berserah kepada Allah), *Ya Hafiz* (Ya Tuhan Maha Penjaga), *Ya Kafi I muhimmat* (Ya Tuhan yang melengkapkan segala keperluan) dan *Ya Allah*.

Azimat yang menjadi koleksi peribadi beliau seterusnya ialah azimat yang berbentuk bulat yang diperbuat daripada tembaga berbingkai perak. Azimat yang berukuran 3.9 cm melintang dan 0.6 cm tebal ini mengandungi turian ayat-ayat yang tidak begitu jelas.

4.3.13 Tangkal

Kaligrafi Islam juga digunakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia dalam aspek kepercayaan untuk mengusir ancaman jahat dan mengelakkan penyakit. Ini dapat dilihat penggunaannya pada tangkal-tangkal yang ditulis dengan ayat-ayat suci al-

Tangkal atau penangkal adalah sesuatu yang digunakan untuk menolak bala, hantu, jin dan sebagainya (Teuku Iskandar, 1989:1291).

Namun, sejauh mana pergantungan manusia terhadap tangkal, dan hukum penggunaannya dalam agama Islam menurut pandangan syarak. Ustaz Sabri Abdul Rahman, pensyarah di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tegas menyatakan bahawa hukumnya adalah haram, kecuali jika tangkal itu ditulis dengan ayat al-Quran. Kenyataannya ini berdasarkan riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah yang bermaksud, “Sesungguhnya jampi, tangkal dan sihir adalah syirik” (Seperti yang dipetik daripada Ustaz Sabri Abdul Rahman dalam Al-Islam, Julai 1999:25).

Antara tangkal-tangkal yang ditulis dengan ayat-ayat suci al-Quran yang terdapat dalam kolesi peribadi Profesor Di Raja Ungku Abdul Aziz, termasuklah Tangkal Batu, Tangkal Batu Hijau dan Tangkal Batu Hitam. Tangkal Batu berbentuk bujur yang berukuran panjang 5 cm, lebar 5 cm dan tebal 0.6 cm ini ditulis dengan turisan rendah ayat Kursi yang tidak lengkap. Koleksi Tangkal Batu yang lain pula diukir dengan turisan rendah yang menggunakan huruf-huruf Arab yang kurang jelas.

Tangkal Batu Hijau mempunyai ukuran panjang 5.5 cm, lebar 8.4 cm dan tebal 0.5 cm ini diukir dengan turisan rendah ayat Kursi dan perkataan Arab lain yang kurang jelas. Manakala Tangkal Batu Hitam pula diukir dengan turisan rendah perkataan Arab yang juga tidak jelas. Tangkal ini berbentuk empat persegi dan mempunyai ukuran panjang 7.8 cm, lebar 5 cm dan tebal 1 cm.

4.4 PENGELALAN IDENTITI TAMADUN MELAYU ISLAM MELALUI AKTIVITI SENI KALIGRAFI ISLAM

Kaligrafi Islam atau tulisan huruf Jawi dengan gaya yang indah adalah satu-satunya bidang seni yang paling lama dalam sejarah seni Islam. Kaligrafi Islam yang dilunaskan sebagai salah satu identiti tamadun Melayu Islam di Malaysia dapat dikenalkan melalui aktiviti-aktivitinya seperti pameran, pertandingan, bengkel dan ceramah.

Melalui aktiviti-aktiviti ini, masyarakat bukan sahaja didedahkan kepada pengetahuan mengenai kesenian Islam yang unggul ini, malah ia dapat meluaskan minat terhadap seni kaligrafi, di samping mencungkil bakat dan berkenalan dengan para seniman kaligrafi Islam yang terkenal. Aktiviti-aktiviti ini juga akan dapat memberi kesedaran dan imej yang sewajarnya mengenai agama Islam yang mulia yang dimanifestasikan melalui pelbagai bentuk kesenian yang memaparkan cahayanya yang kudus.

Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kaligrafi Islam yang pernah diadakan ialah Pameran Pertandingan Seni Khat, Kursus Seni Khat, Pameran, Bengkel dan Ceramah Seni Khat dan sebagainya.

Pameran Pertandingan Seni Khat yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan Universiti Malaya telah diadakan pada 22 September – 2 Oktober 1975, bertempat di Dewan Tunku Cancellor Universiti Malaya. Pameran tersebut telah memberi keterangan yang lanjut mengenai sejarah, asal usul, perkembangan, jenis-jenis huruf khat, peraturan

membentuk, peraturan membentuk huruf, kaedah, alat, bahan-bahan dan berbagai cara penggunaannya.

Walaupun pameran seni kaligrafi Islam telah diadakan sebelum ini, namun pameran itu hanya menunjukkan contoh-contoh pameran seni kaligrafi Islam yang tidak disokong oleh keterangan-keterangan. Dengan adanya pameran itu, Universiti Malaya telah menempa sejarah dengan julung kali mengadakan pameran seumpama itu untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai bentuk seni rupa yang penting dalam kebudayaan Islam.

Dalam usaha mengembangkan pengetahuan dan minat terhadap seni kaligrafi Islam di kalangan masyarakat Malaysia, Universiti Malaya telah mengadakan pameran-pameran seni kaligrafi Islam bergerak di luar kampus dengan menjelajah beberapa buah bandar di Semenanjung Malaysia. Biasanya pameran-pameran tersebut dianjurkan bersama oleh Universiti Malaya dan pihak-pihak tempatan.

Antara pameran-pameran yang dianjurkan bersama itu, terdapat beberapa yang terbesar seperti pameran yang telah diadakan di Johor Bharu pada 7 Julai 1976, yang mempamerkan tiga ratus tujuh puluh lima hasil kesenian kaligrafi Islam. Kemudian pameran diadakan pula di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 23 September 1976. Pameran itu telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua negeri Pulau Pinang dan mendapat kerjasama daripada Badan Pengurusan Pesta Pulau Pinang 1976. Selepas Pulau Pinang, pameran seni kaligrafi Islam diadakan pula di Dewan Kompleks di Kangar, Perlis. Pameran tersebut dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada 21 Januari 1977.

Pameran-pameran juga turut diadakan di beberapa buah bandar kecil seperti di Dewan Sekolah Menengah Sultan Yusuf, Batu Gajah, Perak pada tahun 1978. Satu acara yang menarik ialah peraduan seni kaligrafi Islam yang dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu kategori terbuka dan kategori murid-murid sekolah. Ini merupakan peraduan yang pertama kali diadakan untuk kategori murid-murid sekolah semenjak pameran seni khat diadakan.

Pameran, bengkel dan ceramah kesenian kaligrafi Islam yang terkini diadakan ialah pada 7-14 Ogos 2000 yang bertempat di Blok F, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pameran yang diadakan bersempena Ekspo Konvokesyen Universiti Malaya (EKSUM 2000) itu, adalah anjuran Kelab Seni Khat, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.

Satu aspek penting hasil daripada aktiviti-aktiviti kesenian kaligrafi Islam ini ialah kesedaran yang dibangkitkan terhadap kesenian Islam ini. Masyarakat Islam di negara ini diperkenalkan dengan tulisan Jawi yang banyak mendominasi seni tulisan yang indah ini. Walaupun ramai di antara mereka yang tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi, namun dengan adanya aktiviti-aktiviti seumpama ini, mereka berpeluang mengenali model tulisan kaligrafi Islam seperti Kufi, Naskhi, Thuluth, Diwani, Farisi, Riq'ah dan sebagainya.

4.5 CITRA KALIGRAFI ISLAM SEBAGAI TERAS KESENIAN ISLAM YANG MENCETUS TAMADUN MELAYU ISLAM DI MALAYSIA

Secara umumnya kaligrafi Islam di Malaysia mempunyai kedudukan yang paling istimewa di antara cabang-cabang seni Islam yang lain. Jika dibanding dengan cabang-

cabang seni Islam seperti muzik dan senibina, kedua-duanya ini banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur tempatan dan luar serta terdiri daripada sejumlah seniman yang bukan beragama Islam.

Malah kaligrafi Islam sendiri telah mencapai kemuncak keindahan dan kecemerlangannya di tangan seniman Muslim sepenuhnya tanpa campur tangan daripada pihak lain. Tanpa kehadiran Islam, huruf Arab ini mungkin tidak akan diberi apa-apa makna dan ia sama seperti huruf-huruf bahasa lain yang ada di dunia ini. Kaligrafi Islam bukan sahaja telah memaknakan huruf-huruf Arab, tetapi telah diadaptasikan dalam sistem huruf-huruf Jawi yang menjadi tulisan milik masyarakat Melayu, sehingga akhirnya telah mencetuskan sebuah peradaban Melayu Islam yang terunggul di rantau ini.

Berdasarkan hubungan yang erat antara dunia seni dengan dunia agama dalam visi Islam, dan peranan yang dimainkan oleh para sufi dalam menghidupkan ruh keilahian dalam seni Islam, seni kaligrafi Islam di Malaysia mencapai kemuncak keindahannya dengan kesinambungan rohani yang seimbang, serasi dan harmonis. Keindahan tidak akan muncul daripada imaginasi yang tidak terarah.

Dalam kaligrafi Islam juga tidak terdapat unsur-unsur yang memberontak melainkan unsur-unsur yang bebas, harmoni dan tenteram. Yagut al-Muta'shimi, seorang ahli terkemuka pada abad ke-13 M, mengatakan bahawa, “kaligrafi adalah geometri spiritual yang diekspresikan melalui alat meteri (qalam)”.

Selain itu, ahli kaligrafi juga dianggap sebagai teladan kepada seniman-seniman muslim, iaitu teladan dalam beribadah dan keyakinan kepada Allah s.w.t. Mereka juga

berusaha menyingkirkan nafsu dan emosi, sebaliknya mengutamakan disiplin dan kepekaan. Ini adalah kerana sesuatu kesenian Islam bergerak seiringan dengan kebenaran. Dalam hal ini Carel J. Du Ry menjelaskan,

“In Islam, art and faith are inseparably bound together... Anyone with the patience to follow the artist in Allah's service through the labyrinth of geometric decorations will become captivated by the beauty of its artistic logic” (J. Du Ry, Carel, 1970:7).

Suatu perkara yang perlu diberi penekanan sejurus sebelum seseorang ahli kaligrafi melakarkan penanya untuk menulis huruf-huruf, ialah memastikan sentuhan lembut tangan piawainya semasa menulis, komposisi bentuk tulisannya, pertimbangan mata batinnya yang artistik, keterlibatan spiritualnya, komitmen keimanannya, pengabstrakan dan refleksi tentang keindahan Tuhan dan tuntutan terhadap reaksi dalam apresiasinya.